

# AL-IMAM AL-SYAFIE

## Pejuang Sunnah & Kebenaran

**K**ata Kiasan 'tak kenal maka tak cinta'. Selama ini ramai di antara masyarakat Islam khususnya di Malaysia hanya tahu bahawa kita mengikut Mazhab Syafie dalam pengamalan ibadah dan hukum-hukum fiqh, namun berapa ramai yang tahu siapakah nama sebenar pengasasnya? Di manakah lahirnya? Bagaimanakah keperibadiannya?

Abu Abdullah Muhammad bin Idris atau lebih dikenali sebagai Imam Al-Syafie, begitu indah namanya namun sifat dan peribadinya serta kesungguhannya mencari dan menyebarkan ilmu lebih indah dan mempesonakan.

Namanya begitu besar sebagai tokoh pemikiran Islam. Beliau

adalah salah seorang tokoh ilmuwan agung yang pernah lahir dalam sejarah kegemilangan Islam. Beliau sebaris dengan jaguh-jaguh ilmu seperti al-Imam Abu Hanifah, al-Imam Malik bin Anas, al-Imam Ahmad bin Hanbal, Ibn Abi Laila, Abi Thaur, al-Imam al-Auza'i, al-Imam Sufyan al-Thauri dan ramai lagi tokoh-tokoh agung dalam sejarah perkembangan fekah Islam.

Imam Al-Syafie Dilahirkan di Ghazzah, sebuah bandar yang berada di selatan Palestin pada tahun 150 H,

tahun yang sama dengan kewafatan ulama besar yang hebat iaitu Imam Abu Hanifah (pengasas Mazhab Hanafi). Sampai sebahagian orang mengatakan, "Seorang imam telah meninggal dunia dan lahir pula seorang imam yang lain".

Sejak kecil lagi beliau telah menjadi yatim setelah kematian ayahnya. Dari situ ibunya telah menjaganya. Namun jagaannya itu tidak lama. Ibunya bimbang gagal mendidiknya, maka ketika beliau berumur dua tahun ibunya telah memindahkannya ke tempat asal

keturunannya iaitu di Mekah.

Imam Al-Syafie mula mempelajari al-Quran ketika dia berusia lima tahun dan telah menghafaz Al-Quran ketika berusia tujuh tahun. Apa yang menarik mengenai Imam al-Syafie ini adalah kekuatan daya ingatannya ketika belajar. Beliau mudah memahami apa yang dipelajarinya, mempunyai ingatan yang kuat, berkebolehan tinggi dan dapat menghafaz semua yang dipelajari dan didengarinya. Sehingga kata gurunya : "Engkau tak perlu belajar lagi

*Kata Imam Al-Syafie, "Saya meninggalkan kota Mekah dan tinggal di pedalaman Arab Badwi bersama suku Hudzail. Saya mempelajari adat istiadat mereka. Ini kerana Hudzail adalah suku yang paling fasih berbahasa Arab."*

di sini" (lantaran kecerdasan dan kemampuan beliau untuk menyerap dan menghafal ilmu dengan hanya mendengarkan saja). Apabila gurunya tidak dapat mengajar kerana sesuatu urusan, beliau diamanahkan mengambil tempat gurunya untuk mengajar, murid-murid.

### Mendalami bahasa Arab, mempelajari hadis

**I**mam Al-Syafie sedar bahawa mustahil seseorang itu dapat memahami makna-makna Al-Qur'an, hukum-hukum dan khazanah rahsiannya tanpa menguasai bahasa Arab dengan baik. Ini kerana Al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab yang fasih.

Kata Imam Al-Syafie, "Saya meninggalkan kota Mekah dan tinggal di pedalaman Arab Badwi bersama suku Hudzail. Saya mempelajari adat istiadat mereka. Ini kerana Hudzail adalah suku yang paling fasih berbahasa Arab. Ketika kembali ke Mekah, saya sering membuat syair, menceritakan kisah-kisah sastera dan menghuraikan riwayat-riwayat yang saya peroleh".

Imam Al-Syafie melanjutkan ceritanya tentang suku Hudzail, "Suku Hudzail itu seperti jin dari kalangan manusia. Mereka mampu melihat kesalahan bahasa Arab yang orang lain menganggapnya sudah benar."


Kemampuan Imam Al-Syafie dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Arab memang diakui oleh para ulama. Al-Ashma'i, seorang yang terkenal dalam dunia kesusasteraan Arab,

berkata, "Saya telah mendapat pembetulan tentang syair-syair Hudzail dari seorang pemuda Quraisy yang bernama Muhammad bin Idris (Al-Syafie)."

Keinginan Imam Al-Syafie terhadap ilmu-ilmu Islam semakin membara. Setelah menghafal al-Quran dan mendalami bahasa Arab, beliau cenderung pula untuk mendalami ilmu Hadis. Memang beginilah 'Adab Mencapai Mujtahid' yang sebenar.

Di dalam kitab Al-Muhaddits Al-Fashil ada kisah yang hampir sama dengan kisah Imam Al-Syafie. Hafs bin Ghiyats berkata: Saya datang kepada al-A'masy dan berkata kepadanya: Riwayatkanlah hadis kepadaku! Al-A'masy bertanya: Apakah engkau sudah menghafal Al-Qur'an? Saya menjawab: Belum. Lalu dia berkata kepadaku: Pergilah hafalkan al-Qur'an! Kemudian (jika sudah), barulah aku bersedia meriwayatkan hadis kepadamu. Hafs berkata: Kemudian saya pergi untuk menghafal al-Qur'an. Lalu, saya datang semula kepadanya. Dia meminta saya untuk membaca al-Qur'an dan saya pun membaca di hadapannya. Setelah itu, barulah dia meriwayatkan hadis kepadaku.

Imam Al-Syafie telah mendapat khabar tentang seorang ulama besar



Madinah yang hebat dalam bidang hadis, iaitu Imam Malik. Majlis pengajian Imam Malik dikenali sebagai Madrasah Ahli Hadis. Lantas, Imam Al-Syafie segera meminjam kitab al-Muwattha' susunan Imam Malik dari seorang kenalan di kota Mekah. Kitab itu dibaca dan dihafalkan olehnya. Usianya ketika telah menghafal kitab Al-Muwattha' ialah 13 tahun. Kemudian, Imam Al-Syafie berangkat pergi berjumpa dengan Imam Malik di

Madinah serta berguru dengannya sampai kewafatan Imam Malik.

Dalam usianya yang masih muda, beliau telah banyak menuntut ilmu dari ramai fuqaha'. Antaranya Sufyan bin 'Uyainah, Muslim bin Khalid Az-Zinji, Abdul Majid bin Abdul Aziz bin Abu Daud, Imam Malik, Ibrahim bin Yahya Al-Aslami, Umar bin Abi Salamah, Abdul Aziz Muhammad Ad-Darawardi dan ramai lagi. Disebabkan itulah beliau sering diminta untuk memberi

pandangan dalam menyelesaikan masalah agama.

### Banyak berhijrah demi mencari Ilmu

Sudah menjadi kebiasaan ulama'-ulama' pada masa Imam Al-Syafie sering berhijrah ke pelbagai tempat untuk menimba ilmu. Mereka sama sekali tidak peduli rintangan-rintangan yang akan mereka hadapi. Begitu juga dengan Imam Al-Syafie. Dirinya sering berhijrah untuk menimba ilmu dan memperoleh manfaat. Sebagaimana yang telah diketahui tentang perjalanannya dari Mekah ke Bani Hudzail, kemudian kembali ke Mekah dan perjuangannya untuk menemui Imam Malik, dan setelah meninggalnya Imam Malik beliau pergi ke Yaman dan selanjutnya pergi ke Baghdad dan kembali ke Madinah dan setelah itu kembali lagi ke Baghdad kemudian di Mesir.

Daripada kunjungan itu telah membuatkan beliau memperoleh banyak ilmu dan pengalaman. Serta gigih dalam menghadapi pelbagai rintangan dalam

membela kebenaran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Sehingga nama beliau menjadi terkenal dan disegani seluruh umat Islam di zamannya. Imam Ahmad Bin Hambal berkata tentang gurunya Imam Al-Syafie telah diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

"*Sesungguhnya Allah SWT mengutus (mengirim) seseorang kepada umat ini setiap seratus tahun untuk memperbaharui urusan*

*agamanya.*" (Sahih sunan Abu Daud hadis no : 4291) Kemudian Imam Ahmad bin Hanbal berkata lagi : "Umar bin Abdul Aziz adalah orang yang pertama dan mudah-mudahan Imam Al-Syafie adalah yang kedua".

### Hadapi pelbagai tentangan dan cabaran

Ketokohan Imam Al-Syafie sebagai murid, terpintar Imam Malik bin Anas mulai diiktiraf ramai. Imam Al-Syafie mengambil alih sebentar kedudukan Imam Malik bin Anas sebagai guru di Masjid Nabawi di Madinah sehingga beliau ditawarkan satu kedudukan jawatan oleh Gabenor

**"Imam Al-Syafie mempunyai beberapa keutamaan, berkumpul padanya apa yang tidak terkumpul pada orang lain. Beliau seorang bangsawan, beliau mempunyai agama dan iktidat yang sebenar, seorang yang sangat murah hati, mengetahui hadis sahih dan hadis dhaif, nasikh, mansukh, menghafal al-Quran dan hadis, perjalanan hidup para Khulafa' ar-Rashidin dan amat pandai pula mengarang."**

Yaman. Jawatan Imam Al-Syafie di Negeri Yaman tidak lama kerana beliau telah difitnah sebagai pengikut mazhab Syiah. Selain itu pelbagai konspirasi lain dijatuhkan ke atasnya sehinggalah beliau dirantai dan dihantar ke penjara di Baghdad, yakni pusat pemerintahan Dinasti Abbasiyyah ketika itu.

Imam Al-Syafie telah dibawa menghadap Khalifah Harun ar-Rashid dan beliau berjaya membuktikan dirinya berada di pihak yang benar. Kehandalan serta kecekapan Imam Al-Syafie membela diri dengan pelbagai hujjah agama menyebabkan Harun ar-Rashid tertarik kepada beliau. Imam Al-Syafie dibebaskan dan dibiarkan bermastautin di Baghdad. Di sini Imam Al-Syafie telah berkenalan dengan anak murid Imam Abu Hanifah dan duduk berguru bersama mereka, terutamanya Muhammad bin al-Hasan as-Syaibani.

Suasana ini memberikan kelebihan yang penting bagi Imam Al-Syafie, iaitu beliau berkesempatan untuk belajar dan membanding antara dua aliran mazhab fiqh Islam iaitu aliran fiqh Imam Malik bin Anas dan aliran fiqh Imam Abu Hanifah.

Pada tahun 188H/804M, Imam Al-Syafie berhijrah pula ke Mesir. Sebelum itu beliau singgah sebentar di Mekah dan di sana beliau diberi penghormatan dan dipelawa memberi kelas pengajian agama. Imam Al-Syafie kini mula diiktiraf sebagai seorang imam dan beliau banyak meluahkan usaha untuk cuba menuntut jurang perbezaan di antara aliran fiqh Imam Malik bin Anas dan Imam Abu Hanifah. Usahanya

ini tidak disambut baik oleh para penduduk Mekah kerana kebiasaan mereka adalah dengan berpegang pada aliran fiqh Imam Malik bin Anas.

Pada tahun 194H/810M, Imam Al-Syafie kembali semula ke Baghdad dan beliau dipelawa untuk memegang jawatan Qadhi dalam Dinasti Abbasiyyah. Beliau menolak dan hanya menetap selama 4 tahun di Baghdad. Imam Al-Syafie kemudian kembali ke Mesir dan memusatkan ajarannya di sana pula. Daud bin 'Ali pernah ditanya akan kelebihan Imam Al-Syafie berbanding tokoh-tokoh lain pada ketika itu, maka beliau menjawab:


"Imam Al-Syafie mempunyai beberapa keutamaan, berkumpul padanya apa yang tidak terkumpul pada orang lain. Beliau seorang bangsawan, beliau mempunyai agama dan iktidat yang sebenar, seorang yang sangat murah hati, mengetahui hadis sahih dan hadis dhaif, nasikh, mansukh, menghafal al-Quran dan hadis, perjalanan hidup para Khulafa' ar-Rashidin dan amat pandai pula mengarang."

### Saat-saat akhir

Dalam usahanya untuk cuba menutup jurang perbezaan antara ajaran Imam Malik bin Anas dan Imam Abu Hanifah, Imam Al-Syafie menghadapi banyak tentangan daripada para pengikut Mazhab Maliki yang amat taksub kepada guru mereka. Pada satu malam, dalam perjalanan balik ke rumah daripada kuliah Maghribnya di Mesir, Imam Al-Syafie telah diserang dan dipukul sehingga menyebabkan kematiannya.

Imam Al-Syafie meninggal dunia pada 29 Rejab tahun 204H/820M di Mesir ketika berumur 54 tahun (Hijriah), dan dikebumikan di al-Qarafah selepas Asar. Beliau meninggalkan sebuah kitab yang paling agung dalam bidang usul fiqh berjudul ar-Risalah. Kitab ini adalah yang terawal dalam menyatakan kaedah-kaedah mengeluarkan hukum daripada gabungan nas al-Quran dan as-Sunnah. Selain itu Imam Al-Syafie juga meninggalkan kitab fiqhnya yang termasyhur berjudul al-Umm. Aliran mazhabnya diteruskan oleh beberapa orang anak muridnya yang utama seperti Abu Yaaqub al-Buwayti (231H/846M), Rabi' bin Sulaiman al-Marali (270H/884M) dan Abu Ibrahim bin Yahya al-Muzani (274H/888M).

Semoga Allah SWT merahmati Imam Muhammad bin Idris Al-Syafie dan berada di kalangan orang-orang soleh.



## IMAM AL-SYAFIE JAGUH SUKAN

Rasulullah s.a.w memang menggalakkan umat Islam supaya memilih sukan memanah dan berkuda. Sukan ini jugalah yang menjadi kebiasaan Imam Al-Syafie dalam kehidupannya. Sabda Rasulullah s.a.w : "Panah dan berkudalah! Memanah lebih aku sukai buat kalian dari berkuda." (Hadis riwayat Abu Daud, Al-Nasa'i dan Al-Hakim. Al-Hakim berkata: Sanad hadis ini Sahih)

Imam Al-Syafie berkata, "Hobiku adalah memanah dan mencari ilmu. Kehebatanku dalam memanah 10 persepuluh. Jika ada 10 sasaran memanah, maka sepuluh itu jugalah yang terpanah (dengan tepat)." Di masa lain Imam Al-Syafie berkata pula, "Saya suka sekali memanah, sehingga seorang tabib memberi peringatan kepadaku agar tidak berjemur kepanasan, keranaimbang paru-paru rosak."

### KARYA IMAM AL-SYAFIE

Sebuah atsar (kata-kata daripada sahabat) ada menyebut, "Ikatlah ilmu dengan tulisan." Atsar ini memberikan motivasi kepada para ulama' supaya mereka mencatatkan segala macam pengetahuan yang mereka miliki pada tulisan agar dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Sememangnya penulisan merupakan salah satu medium penyampaian ilmu pengetahuan. Imam Al-Syafie sangat rajin menulis. Beliau sering menulis karya apabila diminta oleh para ahli ilmu. Pernah ahli-ahli hadis meminta Imam Al-Syafie mengarang penulisan khusus bagi mengkritik mazhab ahli ra'i dan membela mazhab ahli hadis. Lalu, Imam Al-Syafie pun menunaikan permintaan mereka itu.

Di antara karya Imam Al-Syafie ialah:

1. **Ikhtilaf al-Hadits.** Kitab ini dikarang oleh Imam Al-Syafie bagi membahaskan mengenai keuhujan hadis ahad secara khusus dan membela sunnah secara umum.
2. **Al-Hujjah.** Ini merupakan karya Imam Al-Syafie ketika beliau mengajar di Baghdad, Iraq. Kitab inilah yang membentangkan pendapat lama (Qaul Qodim) Imam Al-Syafie dalam ilmu fiqh.
3. **Al-Mabsuth.** Kitab ini merupakan karya Imam Al-Syafie yang menghidangkan beberapa tambahan dalam ilmu fiqh.
4. **Al-Umm.** Ini merupakan karya Imam Al-Syafie ketika beliau mengajar di Mesir. Kitab inilah yang membentangkan pendapat baru (Qaul Jadid) Imam Al-Syafie dalam ilmu fiqh.
5. **Al-Risalah.** Kitab ini ditulis oleh Imam Al-Syafie atas permintaan Abdurrahman bin Mahdi. Inilah karya Imam Al-Syafie yang membahaskan mengenai ilmu usul al-fiqh.

### Info!

**Bersumberkan dari manakah, kita berpegang kepada Imam Syafie?**

Banyak fakta menunjukkan kita mengambil mazhab Syafie daripada Yaman dan Mesir, serta pengaruh awal dari sesetengah sejarawan menyatakan ia tersebar oleh para pedagang dari Malabar yang bermazhab Syafie dan mereka ini menyebarkan dakwah hingga ke nusantara dan itu menyebabkan ia tersebar secara meluas di sini. wallahuallam

